

# LATIHAN SILAT KITA PERLU DIPERBAIKI

KAEDAH latihan silat negara ini didakwa masuk seman dan perlu dibaiki, terutama selepas pasukan negara gagal memenangi empat pingat emas Sukan SEA di Jakarta baru-baru ini, lapor MOHD RAHIME YUSOF. *Berita Harian* (M)

Corak latihan dide dahkan oleh jurulatih kebangsaan, Anuar Abdul Wahab, masih boleh dipertikaikan kerana banyak kelemahan ketara di segi teknik, taktik serta konsep silat olahraga itu sendiri dapat dikesan.

Jika sistem latihan itu tiada menerima perubahan ketika

- 4 OCT 1987

kaitan dengan kekurangan pengalaman jurulatih terhadap konsep silat olahraga itu sendiri.

Katanya, kalau keadaan ini berterusan usaha mengibar bendera negara dalam kejohanan dunia tidak akan tercapai.

"Saya tidak mengatakan jurulatih itu lemah tetapi pendedahan di segi konsep silat tidak begitu mendalam terutama dalam soal teknik dan taktik menyerang," katanya.

Bagaimanapun beliau percaya segala kelemahan itu boleh diatasi kalau semua pihak memberi kerjasama erat dalam menjayakannya.

latihan pusat pada 1 November sebagai persiapan Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Kuala Lumpur 2-9 Disember ini, Malaysia akan menerima padah lebih buruk daripada di Jakarta.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) perlu memberi perhatian serius terhadap sistem latihan supaya kelemahan ketara dapat diatasi segera. Sehubungan, Pesaka perlu melan tik barisan jurulatih berkebolehan yang benar-benar layak melatih pesilat-pesilat negara.

Kelemahan sistem latihan itu diakui oleh Pengurus Pen cak Silat Selangor, Adnan Zulkaria yang mendakwa kegalan di Jakarta itu ada

Siti Anida  
Harian (M)

menebus  
- 5 OCT 1987  
kehampaan

UA pesilat wanita negara, Siti Anida Mahadi dan Siti Azahariah Hussin yang gagal mengutip pingat di Sukan SEA Jakarta, berazam menebus kehampaan itu dalam Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember depan.

Kekecewaan menyelubungi wajah kedua-dua pesilat itu kerana mereka saja yang gagal menuhi matlamat Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) selepas 13 rakannya membawa pulang dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa.

Kekalahan Siti Anida tidak boleh dipertikaikan kerana dia hanya mengambil masa dua minggu menjalani latihan pusat selepas gagal mendapat kelepasan daripada UKM.

Siswi tahun pertama pengajian Komunikasi itu masih bersemangat untuk membuktikan keunggulannya dalam kejuaraan Silat Sedunia nanti jika tenaganya masih diperlukan. Siti Azahariah pula menganggap kegagalan itu satu pengajaran berguna dan berazam memperbaiki kelemahan yang ketara. "Saya akan berusaha lebih gigit menghadapi kejohanan antarabangsa jika dipilih," katanya.

Pelajar tahun pertama kajian Seni Bina Insti-



■ SITI ANIDA...kegagalan di Sukan SEA Jakarta jadi pengajaran.

(IKM), Petaling Jaya itu, berkata dia masih kurang pendedahan dalam ilmu silat ini kerana baru mempelajari lima bulan lalu.

Menurutnya, pengetahuan lebih mendalam hanya diperolehi ketika menjalani latihan pusat dua bulan sebelumnya lima bulan lalu.

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA

4<sup>TH</sup>

WORLD SILAT CHAMPIONSHIP

1987

KUALA LUMPUR

2 - 9 Disember 1987

Di Stadium Negara

Anjuran Bersama

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

Berita Harian

AKTIVITI SILET DI SELURUH DUNIA